

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA CAWANGAN  
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA  
KALI KE-34**

Tarikh : **12 Januari 2017 (Khamis)**

Masa : **11.00 pagi - 12.20 tengah hari**

Tempat : **Dewan Serbaguna  
Aras B1, Menara KKMM**

**AGENDA 1: PERUTUSAN Pengerusi**

- 1.1 YBhg. Datin Abidah Hj. Sani, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (PCKKMM) mengalu-alukan kehadiran dan mengucapkan terima kasih serta selamat tahun baru 2017 kepada semua ahli PCKKMM yang hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan PCKKMM Kali Ke-34; dan
- 1.2 Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada AJK yang bertungkus-lumus dan bekerja keras untuk mengadakan mesyuarat pada hari ini.

**AGENDA 2: MELANTIK Pengerusi Sementara**

- 2.2 Mesyuarat sebulat suara melantik Puan Hajah Sabariah Abas sebagai Pengerusi Sementara.

**AGENDA 3: MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PCKKMM KE-33**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa:

- 3.1 minit mesyuarat dan laporan tahunan PCKKMM 2016 boleh dimuat naik di laman sesawang PCKKMM;

- 3.2 minit mesyuarat dan laporan tahunan PCKKMM 2016 ditayangkan di skrin sebagai panduan dan rujukan ahli mesyuarat;

Minit mesyuarat disahkan dengan pindaan berikut:

- 3.3 kehadiran Puan Rosnah Mohamad dari Jabatan Penyiaran Malaysia tidak dicatat dalam senarai kehadiran; dan

- 3.4 pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan PCKKMM Kali Ke-33 oleh:

Puan Nurhaliza Manaf (JaPen)	-	cadang
Puan Mas'amah Mokri (JaPen)	-	sokong

#### AGENDA 4: **MEMBENTANGKAN LAPORAN AKTIVITI PCKKMM 2016**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa:

- 4.1 laporan aktiviti PCKKMM sepanjang tahun 2016 dibentangkan oleh Puan Masliza Che Omar, Setiausaha PCKKMM;

- 4.2 jumlah ahli PCKKMM sehingga 31 Disember 2016 ialah seramai 1,530 orang;

- 4.3 kehadiran ahli PCKKMM pada Mesyuarat Agung Tahunan PCKKMM Ke-33 ialah seramai 500 orang;

- 4.4 sebanyak 179 program telah dilaksanakan pada tahun 2016 yang memberi fokus dalam bidang keusahawanan, pendidikan dan kebajikan;

- 4.5 sebanyak 8 program anjuran PUSPANITA Kebangsaan telah dihadiri oleh ahli PCKKMM sepanjang tahun 2016; dan

- 4.6 pengesahan Laporan Aktiviti PCKKMM 2016 oleh:

Puan Puan Zaibeenorsari Nordin (JaPen)	-	cadang
Puan Siti Aisah Muharom (JASA)	-	sokong

**AGENDA 5: MEMBENTANGKAN LAPORAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa:

- 5.1 laporan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 dibentangkan oleh Puan Sharifah Zaini Syed Zain, Bendahari PCKKMM;
- 5.2 merujuk penyata kunci kira-kira sehingga 31 Disember 2016, jumlah baki tunai di tangan ialah sebanyak RM1,974.53 manakala baki tunai di bank ialah sebanyak RM22,871.88 dan jumlah simpanan tetap sebanyak RM4,529.95. Jumlah aset keseluruhan bagi tahun 2016 menurun sebanyak 14% iaitu RM29,376.36 berbanding pada tahun 2015 sebanyak RM34,326.33;
- 5.3 merujuk penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, jumlah pendapatan bagi tahun 2016 ialah sebanyak RM49,007.33 dan jumlah perbelanjaan sebanyak RM53,957.40 iaitu kurangan/defisit sebanyak RM4,950.07. Defisit bagi tahun 2016 adalah berkurangan berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak RM19,707.94;
- 5.4 pendapatan PCKKMM bagi tahun 2016 menunjukkan penurunan berbanding tahun 2015 kerana sumbangan PUSPANITA Kebangsaan yang berkurangan;
- 5.5 maklumat terperinci mengenai penyata perbelanjaan jawatankuasa dilampirkan dalam Laporan Tahunan PCKKMM 2016; dan
- 5.6 pengesahan Laporan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016 oleh:

Cik Fatimah Ab. Jabbar (RTM)	-	cadang
Cik Siti Norhaya Yahya (IPPTAR)	-	sokong

## AGENDA 6: **MEMBENTANGKAN USUL**

### 6.1 Usul 1

Puan Maziatul Syahir (KKMM) mencadangkan kepada Biro Sukan untuk mengadakan sukan antara jabatan di bawah KKMM dan juga antara PUSPANITA cawangan lain;

### 6.2 Usul 2

Puan Nafisah Haji Husin (RTM) mencadangkan kepada Biro Pendidikan dan Biro Keahlian untuk mengambil maklumat latar belakang pendidikan setiap ahli PCKKMM supaya boleh dijadikan sebagai tenaga pengajar dalam program pendidikan PCKKMM;

### 6.3 Usul 3

Puan Siti Norhaya Yahya (IPPTAR) mencadangkan kepada Biro Sukan untuk mengadakan acara kembara atau *treasure hunt* di sekitar Putrajaya. YBhg. Datin Rohana Mustaffa, Pengerusi Biro Dokumentasi dan Seranta memaklumkan bahawa acara *treasure hunt* dianjurkan oleh BERNAMA secara dwitahunan sejak tahun 2011;

### 6.4 Usul 4

Puan Azlina (KKMM) mencadangkan kepada Biro Pendidikan agar mengadakan bengkel kepada anak-anak yang akan menduduki peperiksaan dan mengenakan bayaran bagi setiap penyertaan untuk membantu menambah dana pendapatan PCKKMM; dan

### 6.5 Usul 5

Puan Mas'amah Mokri (JaPen) memaklumkan bahawa beliau tidak menerima kad keahlian sehingga kini. Puan Bechik Kamarak, Pengerusi Biro Keahlian akan menyemak perkara ini dan meminta mana-mana ahli yang mempunyai masalah tentang kad keahlian untuk datang berbincang.

## AGENDA 7: **MENYERAHKAN URUSAN MESYUARAT**

- 7.1 Pengerusi Sementara memohon maaf atas kesilapan sepanjang mempengerusikan mesyuarat dan mendoakan PCKKMM terus cemerlang, menganjurkan lebih banyak aktiviti dan menerima pengiktirafan/penghargaan; dan
- 7.2 Pengerusi Sementara menyerahkan semula kepada Datin Pengerusi bagi meneruskan agenda yang seterusnya.

## AGENDA 8: **PENANGGUHAN MESYUARAT**

- 8.1 YBhg. Datin Pengerusi memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana mesyuarat berjalan lancar;
- 8.2 Beliau memaklumkan bahawa Pengerusi Biro Sukan, Datin Nor Aswa Omar telah tamat perkhidmatan dan digantikan dengan Datin Rosniza Yaacob. Beliau turut memaklumkan bahawa Pengerusi Biro Pendidikan masih belum ada pengganti;
- 8.3 YBhg. Datin Pengerusi turut memohon kerjasama semua ahli PCKKMM untuk terus menyokong dan menyertai program-program anjuran PCKKMM dan juga kerjasama ahli jawatankuasa PCKKMM agar lebih aktif untuk menganjurkan program-program baru; dan
- 8.4 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.20 tengah hari dengan ucapan terima kasih daripada YBhg. Datin Pengerusi.

Disediakan oleh:



**(MASLIZA CHE OMAR)**

Disemak oleh:



**(DATIN ABIDAH SANI)**